



# **Malam Puisi Alam 1998**

**MALAM PUISI ALAM  
PERINGKAT KEBANGSAAN 1998**

**DI DEWAN GAMELAN I & II,  
HOTEL PRIMULA PARKROYAL,  
KUALA TERENGGANU**

**23 OKTOBER, 1998**

**CINTAI ALAM, HARGAI KEHIDUPAN**

# **Malam Puisi Alam 1998**

## **OBJEKTIF**

Malam Puisi Alam 1998 ini diadakan sebagai kemuncak penghargaan dan penampilan Puisi-puisi terpilih dalam menghayati alam sekitar.

Deklamasi Puisi Alam 1998 mengajak orang ramai menghayati dan menanam semangat cintakan alam sekitar melalui karya-karya puisi yang menyentuh sanubari insan disamping meningkatkan kesedaran mereka mengenai isu-isu alam sekitar semasa.

# *Aturcara*

## **MALAM PUISI ALAM 1998 JABATAN ALAM SĒKITAR**

- 8.25 mlm. - *Ketibaan Para Jemputan*
- 8.45 mlm. - *Ketibaan Jemputan Khas*
- 8.55 mlm. - *Ketibaan Y.B. Timbalan Menteri Sains,  
Teknologi dan Alam Sekitar*
- *Persembahan Puisi Kategori Pelajar*
  - *Persembahan oleh Pemuisi Jemputan  
En. Arifin Said*
  - *Persembahan Puisi Kategori Awam*
  - *Persembahan oleh Pemuisi Jemputan  
Prof. Dr Wan Zawawi Ibrahim*
  - *Penyampaian Hadiah dan Sijil  
Penyertaan*
- 11.45 mlm. - *Jamuan Ringan dan Bersurai.*



## *Kata-kata Aluan*

### **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN ALAM SEKITAR, MALAYSIA**

**S**aya ingin merakamkan syabas dan tahniah kepada pemenang-pemenang Pertandingan Menulis Puisi Alam 1998 bagi kedua-dua kategori pelajar dan orang awam. Saya berasa amat sukacita kerana Pertandingan Menulis Puisi ini berjaya mencungkil penulis-penulis muda yang berbakat.

Puisi-puisi yang ditulis dalam pelbagai cara dan citarasa menunjukkan masyarakat Malaysia telah menunjukkan kefahaman yang tinggi mengenai isu-isu alam sekitar. Walaupun lazimnya, isu-isu alam sekitar seringkali dirujuk sebagai masalah yang bersifat saintifik, tetapi penggiat-penggiat seni juga mempunyai peranan dalam membantu menyedarkan orang ramai tentang kepentingan menjaga alam sekitar. Pendek kata, rakyat Malaysia walau apapun peranan dan latar belakangnya, setiap individu mempunyai tanggungjawab masing-masing dalam penjagaan alam sekitar.

Akhir sekali, saya menyeru semua pihak sama-sama berusaha keras di dalam menyokong usaha Kerajaan menangani isu-isu alam sekitar supaya generasi masa hadapan kita masih dapat menikmati persekitaran yang baik. Tahniah dan syabas sekali lagi kepada yang berjaya dalam pertandingan tahun ini dan juga kepada semua pihak yang telah mengambil bahagian.

Sekian.



**(DATUK LAW HIENG DING)**



## *Kata-kata Aluan*

### **KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR, MALAYSIA**

**S**ebagai satu lagi usaha Jabatan Alam Sekitar untuk mempertingkatkan kesedaran orang ramai kepada kepentingan pemuliharaan alam sekitar, Jabatan Alam Sekitar sekali lagi menganjurkan pertandingan menulis puisi tentang alam sekitar. Tujuan utama pertandingan ini ialah untuk menarik minat pencinta-pencinta seni khususnya dalam bidang alam sekitar untuk sama-sama menyemai sikap mencintai alam sekitar di kalangan masyarakat kita melalui karya-karya puisi.

Saya yakin puisi yang berunsurkan alam sekitar adalah unik kerana di dalamnya tersembunyi pelbagai mesej yang digarap dengan bahasa-bahasa indah dan simbolik. Seseorang yang berjaya menghasilkan puisi yang baik sudah tentunya memiliki pengetahuan mendalam berkaitan bidang yang diperkatakan. Sesungguhnya alam ini tersimpan pelbagai khazanah seni; para karyawan sering mendapat ilham darinya.

Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para pemenang dan kepada Jawatankuasa Penganjur kerana berjaya menganjurkan Pertandingan Menulis Puisi Alam '98.

Semoga usaha-usaha kita akan memberi manfaat kepada semua, InsyaAllah!

Sekian.

'CINTAI ALAM, HARGAI KEHIDUPAN'

**(HAJAH ROSNANI IBARAHIM)**

# LAPORAN PANEL HAKIM PERTANDINGAN MENULIS PUISI ALAM 1998

PARA Panel Hakim menerima sebanyak 549 buah puisi yang menyertai pertandingan ini, iaitu 234 buah daripada orang awam dan 315 buah daripada pelajar. Pada peringkat akhir panel memilih 10 puisi setiap bahagian.

Kesemua puisi yang menyertai pertandingan menepati tema yang ditetapkan oleh pihak penganjur iaitu "Cintai Alam Hargai Kehidupan". Bagaimana pun dalam menyampaikan perutusan tersebut, terdapat idea yang kurang mantap, terlepas daripada nilai-nilai keindahan serta pilihan kata yang tidak sesuai. Setiap puisi juga mempunyai bentuk yang menarik, sesuai dengan bahan yang dikemukakan iaitu unsur alam.

## KATEGORI PELAJAR

Setelah meneliti keseluruhan puisi, sebanyak 30 buah karya telah dipilih untuk dinilai di peringkat akhir. Sebanyak 8 buah puisi telah dipertimbangkan untuk memenangi hadiah. Terdapat banyak kekuatan pada puisi-puisi berikut:

- (a) "Hujan Panas"
- (b) "Salah Siapa"
- (c) "Doa"
- (d) "Usah Biarkan Aku Mati"
- (e) "Camar Yang Pulang"
- (f) "Ratapan Si Burung Laut"
- (g) "Lagu Cinta Alam"
- (h) "Cintai Alam Sayangi Kehidupan"

Setelah pertimbangan semasak-masaknya dilaksanakan, panel hakim telah memutuskan puisi yang layak menerima hadiah adalah seperti berikut:

- Pemenang Pertama : "Usah Biarkan Aku Mati"
- Pemenang Kedua : "Salah Siapa"
- Pemenang Ketiga : "Camar Yang Pulang"
- Hadiah Saguhati : "Doa"

Puisi "Usah Biarkan Aku Mati" membawa persoalan mempertahankan kelestarian alam sekitar. Penyair menggunakan gaya bahasa yang menarik, menggunakan metafora serta personifikasi yang jelas dan bermakna.

Ungkapan: rimba berbudi; merenjis maruah; menggapai duka - menjadikan puisi ini kuat dan meyakinkan.

Puisi "Salah Siapa" pula melahirkan gambaran keindahan alam masa lalu yang telah hilang. Penyair menanyakan kepada siapakah perkara ini harus dipersalahkan?

Puisi "Camar Yang Pulang" juga membawa persoalan yang mantap tentang nostalgia seekor camar yang kehilangan habitatnya.

Segala-galanya menjadi harapan untuk melihat alam terus kekal dengan keindahan, berfungsi dengan sewajarnya memberi manfaat kepada kehidupan sejagat. Ini dimanifestasikan dalam puisi "Doa" - yang menyerahkan harapan kepada Tuhan.

## KATEGORI AWAM

Panel juga memilih 30 buah puisi untuk bahagian ini dan meneliti 8 buah untuk dibawa ke peringkat akhir. Puisi-puisi tersebut:

- (a) "Biarkan Camar Itu Terbang"
- (b) "Selamat Pagi Alamku"
- (c) "Ajarlah Anak-Anak Kita"
- (d) "Lanskap Kecintaan"
- (e) "Cinta Buana Adalah Cinta Kita"
- (f) "Anak-Anakku, Alam Ini Rumah Kita"
- (g) "Persoalan Musim Cinta"
- (h) "Cinta Warisan Zaman (ii)"

Panel memutuskan puisi-puisi yang menang adalah seperti berikut:

- Hadiah Pertama : **"Cinta Buana Adalah Cinta Kita"**
- Hadiah Kedua : **"Ajarlah Anak-Anak Kita"**
- Hadiah Ketiga : **"Anak-Anakku, Alam Ini Rumah kita"**
- Hadiah Saguhati : **"Selamat Pagi Alamku"**

Dalam puisi "Cinta Buana Adalah Cinta Kita" penyair mengharapakan supaya manusia menghargai alam sekitar dan mewariskan kepada generasi akan datang. Penyair menggunakan rima akhir yang sangat menarik, ungkapan yang segar seperti: angin yang sarat, sungai yang pekat, rimba yang tenat dan beberapa ungkapan lain.

Sementara itu puisi "Ajarlah Anak-Anak Kita" memberikan pendidikan supaya menghargai dan mencintai kehidupan alam sekitar. Hutan dengan segala flora dan faunanya memberikan sumbangan kepada kehidupan.

Puisi "Anak-Anakku, Alam Ini Rumah Kita" membawa pesan supaya menjadikan alam ini tempat kediaman yang sangat selesa dan manusia tidak perlu tamak dan haloba untuk mengkhianati alam.

Puisi "Selamat Pagi Alamku" inginkan kesejahteraan kepada kehidupan di alam maya ini. Hanya dengan cara ini alam kita terpelihara.

Sesungguhnya para penyair memberikan sumbangan yang terbesar dalam kesejahteraan kehidupan manusia melalui karya-karya mereka.

Sekalung tahniah untuk para pemenang.

Syabas untuk penganjur, Jabatan Alam Sekitar, yang berteruskan memperkayakan khazanah tamadun bangsa Malaysia.

#### **PANEL HAKIM TERDIRI DARIPADA:**

**Sdr. A. Rahim Abdullah**  
(Berita Harian Sdn. Bhd.)

**Sdr. Aripin Said**  
(Universiti Putra Malaysia)

**Puan Siti Zaleha M. Hashim**  
(Dewan Bahasa dan Pustaka)

#### **PENYELARAS PERTANDINGAN:**

**Sdr. Ahmad Sabki Haji Tahir**  
(Jabatan Alam Sekitar)

*Bilik Bayu,  
16 September 1998.*

## **USAH BIARKAN AKU MATI**

*Aku, adalah rimba berbudi luas  
merentang jasa teruji  
sering menutup kejahatan insani  
biar amarah merenjis maruah  
biar dendam menggapai duka  
manatap tingkah manusia  
yang memusnahkan kebenaran  
sebuah kehidupan alam  
yang permai damai*

*Aku, adalah rimba melindungi insani  
membiar diri rentung dipanah sang mentari  
membiar diri jadi benteng dihimpit  
asal insani tidak didera keperihan  
akibat keruntuhan  
atau kepanasan*

*Aku, adalah rimba berdaulat  
tekad telah punah ranah  
melihat rimba kehijauanku  
telah menjadi padang jarak  
padang terkukur  
dan esok, bakal dibina bangunan  
dari batu bata*

*Aku, wajar bangkit dari mimpi panjang  
menerkam radang dan dendam  
benteng diri dari dicemari  
asap tebal  
dan noda hitam debu pembangunan  
dalam munajat usah biar aku mati  
dalam kehangusan  
aku mahu kehidupan  
sebuah rimba damai  
di tengah aliran sungai jernih*

*berteman gelak tawa sepat dan haruan  
bersama membina keyakinan*

*-cintailah kami - alam dan  
hidupan semurni kehidupan  
insani.*

**SHAKIRAH RASHID**

*Ulu Kinta, Perak.*

## **SALAH SIAPA**

*Ketika aku membuka jendela kamar  
angin pertama menerjah deria rindu  
bau pahit dari sungai  
di belakang rumah kami  
tiada lagi bau rimba yang segar  
dengan bunga-bunga hutan semerbak harum*

*Di luar, burung-burung telah pun bangkit  
melayah sayap ke pepohonan  
dengan mata resah ia merenungi sungai  
airnya keruh nan hitam  
dan sungai itu telah bangkit dari tidurnya  
tetapi cukup mual dengan segala sisa buangan  
dari sebuah kilang nun di hujung desa kami*

*Ketika mentari meletuskan panasnya  
ke serata desa ini  
kian rindu aku kepada alunan angin pagi  
yang segar dan air nan jernih  
burung-burung yang merisik bulunya mengeringkan  
basah air sungai dengan panas mentari*

*Dan kini  
aku telah kehilangan nostalgia pada  
bau rimba, alunan angin segar, harum  
bunga-bunga hutan dan riang murai di sungai  
nan jernih itu  
kerana segalanya sudah ternoda  
dan aku bertanya-tanya  
semua ini salah siapa?  
Alam atau manusia?*

**NUR ATIKAH GHAZALI**

*Kapar, Selangor.*

## CAMAR YANG HILANG

---

Aku  
seekor camar  
yang terbang di awan biru  
cuba mencari jalan pulang  
setelah lama mengembara  
dari benua ke benua

Namun tak dapat kuimbas  
jalan pulang  
bila tiada lagi rimbunan dedaun  
bila hilang seri bunga mekar  
dinodai manusia  
tanpa rasa belas di hati

Hatiku merintih pedih  
meronta-ronta untuk pulang  
namun apalah dayaku  
hutan rimba yang menjadi deriaku  
kian menghilang

Seketika aku hinggap di dahan  
tiada kudengar irama syahdu  
kucari lagi  
ke mana hilangnya  
suara si merbuk  
ketika aku dilanda kesedihan  
namun terlintas di mindaku  
angkara siapakah ini?

Aku termangu lagi  
rimba yang kupuja kian lebur  
dicabul anasir yang semakin rakus  
mengejar harta yang kupinjamkan pencipta  
namun mereka masih belum sedar  
mustika bumi semakin kehausan  
tapi aku terfikir lagi  
masih adakah jalan untuk aku pulang?

AMELIA ABDUL MALEK

*Ipoh, Perak.*

## **DOA**

*Tuhan*

*keluarkanku dari kegelapan malam  
ragu-ragu dengan sinar cahaya  
bukakanlah pintu ilmu  
agarku dapat menghayati alam ini*

*Tuhan*

*kurniakanku kekuatan  
untuk bangun bersama  
bukit-bukit yang kehijauan  
menunggu malam dan bintang  
agar kukagum pada keindahan  
kurniakanku kepekaan  
merenung lautan yang biru  
memanjat gelombang  
melihat karang dan ikan  
agarku tidak alpa pada keajaiban*

*Tuhan*

*anugerahkanku ilmu  
untuk memahami alam ini  
yang terbentang luas  
indah terpancar darinya  
agar kukasihi alam ini  
anugerahkanku ketenangan  
untuk nikmati kehidupan  
yang indah dan ceria  
dengan imaginasi, mimpi  
dan harapan  
agar kutahu  
menyesuaikan diri  
kepada alam ini*

*Tuhan*

*kubisikkan kerinduan  
kesyahduan kepadamu  
ajarkanlah aku ini  
isi pengetahuan*

tentang rentak kehidupan  
serta keluasan alam  
agar kukenali diri  
untuk mencintai alam

Tuhan  
berikan pengertian alam  
kepadaku  
tambahkanilah ilmuku  
dan berikanku kefahaman  
tentang kehidupan alam

Tuhanku  
perkenankanlah doaku  
kerana kutahu destinasiku  
tiada penghujungnya.

**NUR ILYANI KASSIM**

*Tapah, Perak.*

---

## **CINTA BUANA ADALAH CINTA KITA**

Mari kita tanggalkan lelah semalam  
menyaring angin yang sarat  
menapis sungai yang pekat  
mengubat rimba yang tenat  
memapah alam yang cacat  
mengikis alpa yang liat

Justeru sebak angin yang gundah  
amarah sungai melimpah merah  
dan rajuk rimba yang rebah  
telah meragut setia cinta buana  
melerai damba menggapai bencana

Kita tegak laksana perwira  
menobatkan cinta margasatwa  
cinta flora pada fauna  
cinta bukit pada lembahnya  
cinta sungai pada jernih alirnya  
cinta laut pada ombaknya

Kita pupuk semangat seluruh makhluk

*dari segenap rantau pelusuk  
untuk memadam makna cemar dan busuk  
makna jerebu dan abuk  
makna banjir dan lumpur  
makna banjir dan kotor  
dari helaian kamus alam warisan leluhur*

*Segeralah sebarkan pada warga maya  
erti kasih pada bumi, cinta pada alam  
erti sayang pada diri  
erti nilūi kehidupan abadi*

*Sesungguhnya kita mampu melakar impian  
tanpa musnah tanpa cemar pusaka sejati  
tanpa membuamg jauhimbangan alam  
tanpa rakus tanpa pupus  
tanpa lupus harta alam  
harta hutan harta hujan  
harta hidupan harga kehidupan*

*Mari kita wasiatkan sebuah peninggalan  
pada generasi menyongsong wawasan  
bahawa cinta alam ini adalah cinta hakiki  
bertunas pada hati menghijau pada budi  
merimbun menjadi jati diri  
merimba menjana kelangsungan duniawi*

*Anak-anak generasiku  
cuba lakarkan sebuah peta yang hijau  
sehijau-hijaunya  
berbingkai citra biru sebiru-birunya  
letakkan penunjuk arah langkah masa depan  
kerana kita tidak wajar tergelincir ke pinggir  
menebat luka yang hanyir  
meratap cinta alam yang mungkir*

*Kita daulatkan asmara buana cinta perkasa  
kita bina sebuah persáda sejahtera  
sanjungan semua warga jagat raya  
sebagai wadah kehidupan ceria.*

**GHAZALI LATEH**  
*Banting, Selangor.*

## **AJARLAH ANAK-ANAK KITA**

---

*Hari ini  
ajarliah anak-anak kita  
tentang kesetiaan sang penyus  
pada pasir pantai memutih  
membisik segelung mimpi  
dalam juraian irama air mata  
berhempas pulas membiakkan baka  
yang bakal meredah ombak dan samudera*

*Hari ini  
ajarliah anak-anak kita  
tentang kesetiaan gunung dan bukit menghijau  
bertunjang memasak bumi  
mengalurkan kejernihan jeram dan sungai  
mengisi seteguk ketandusan  
mengulit kehehingan sejuta mimpi  
demi sebuah kelangsungan*

*Hari ini  
ajarliah anak-anak kita  
tentang kesetiaan hutan  
pada flora dan faunanya  
yang menyimpan berjuta spesies  
keharuman bunga-bunga dan daunan  
kegirangan unggas dan sang belang  
megah berterbangan dan berlari*

*Hari ini  
ajarliah anak-anak kita  
tentang kesetiaan pulau dan lautan  
agar ombak tidak resah berlagu  
tentang kesetiaan awan dan langit  
agar hujan melimpahi bumi*

*Hari ini  
ajarliah anak-anak kita  
tentang kesetiaan mereka mengendalikan alam  
memanfaatkannya mengikut lunas wahyu  
kerana kita disandarkan seribu satu amanah*

*Memelihara atmosfera, biosfera, hidrosfera,  
litosfera dan pedosfera  
dan betapa setiap kejadian Ilahi  
awan, angin, tanah dan tumbuhan  
membentuk kitaran hidrologi  
jangan kita menodainya  
kerana kedudukan dan populariti.*

**ABD. RAHIM OMAR**

*Sungai Petani, Kedah.*

## **ANAK-ANAKKU, ALAM INI RUMAH KITA**

*Tahun bertahun kurakamkan dalam pita kenangan  
tangis bukit-bukau yang roboh, gundah laut yang digelidiah  
dan wajah langit yang marah. Tahun bertahun aku  
menanggung beban - disanggah malu dan penyesalan*

*Hari ini, ketika fajar subuh masih merah  
dan langit siang kekal membiru, kunyanyikan  
padamu, anak-anakku - sebuah puisi alam  
tentang hari depan dan harapan, tentang  
bagaimana kalian harus menjalin tangan sambil  
berkata: "alam ini rumah kita", dan ajarlah  
tetanggamu berfilsafat, akan hakikat manusiawi,  
bahawa kita tidak harus pergi dan meninggalkan  
warisan pertiwi dengan hutan telanjang dan langit hitam*

*Anak-anakku, tanpa malu tanpa silu  
jawablah pada sesiapa yang mencabarmu  
tentang berapa harga perjuangan ini  
katakan, Allah dan alam menjadi saksi*

*Kita salasilah sejak Adam pertama  
kita anak-anak Hawa harus taat  
menabur cinta untuk tidak menjadi  
petualang, untuk tidak bergelar penderhaka*

*Alam ini rumah kita, di sini denyut jantung  
dan desah nadi membina nyawa. Kita  
tak harus membongkar rimba, membakar udara.  
Kita tak perlu tamak mencekau samudera.*

*Biarkan ikan berlari, biarkan burung menyanyi  
dan atas nama kesejagatan, kita harus bangun  
dan berkata dengan berani: "alam ini rumah kita",  
dan kita tak mungkin mengkhianatinya.*

**ZAINAL RASHID AHMAD**

*Kuala Lumpur.*

---

## ***SELAMAT PAGI ALAMKU***

*Selamat pagi alamku  
sejahteralah kau dengan kicau burung  
dan mentari merinduinya  
serta udara yang membawa salam hening  
kerana di kota udara telah pecah  
dan di desa udara telah basah*

*Selamat pagi alamku  
kini kau membentangkan kehijauan  
pada luasnya kehidupan yang harmoni  
pada sungai yang pastinya nanti  
akan terusan lelah ke pagi  
tanpa melarutkan segala kekacauan  
membuang daki-daki kemelataran  
kerana tanpa kejernihan yang larut  
segala kekayaan alam di dalamnya  
tak bisa kita kaut*

*Selamat pagi alamku  
perkebunan peliharaan mengenang kekasih  
adalah pengakuan para pencinta alam  
yang mencumbui belantara keakraban  
menyelami tubuh pantai ke dasarnya  
angin berling lembut menyusur kesegaran  
fauna dan flora menyentak sukma  
tanpa ragu mengumpul segala keindahan  
keindahan lahir di mata kita  
keindahan tumbuh di mana-mana*

*Selamat pagi alamku  
visikanlah wajah bangsa*

*dengan keluhuran generasi keramat  
dalam warga merdeka yang penuh hikmat  
memahkotakan keimanan seluruh umat  
di persada kemuncak nikmat  
agar alam semulajadi terpelihara  
dalam hayat kurniaan-Nya.*

**RAZALI MOHAMAD**

*Air Molek, Melaka.*

## **JAWATANKUASA PERTANDINGAN PUISI MENULIS PUISI ALAM '98**

- 1. Pengerusi** - En. Jamal Mahmud Abu Bakar
- 2. Setiausaha** - En. Norazizi Adinan
- 3. Pertandingan** - Y.M. Tunku Khalkausar Tunku Fathahi  
- Puan Aminah Ali  
- En. Rosli Zul
- 4. Penyelaras** - En. Ahmad Sabki Hj. Mohd Tahir  
- Puan Noor Baizura Azizan  
- Cik Easter Ayu
- 5. Percetakan Sijil** - Puan Rosnani Yahya  
- Azmi Mohd Amin
- 6. Panel Hakim** - i) En. A. Rahim Abdullah  
(BERITA HARIAN SDN.BHD.)  
ii) EN. ARIPIIN SAID  
(UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA)  
iii) PUAN SITI ZALEHA M. HASHIM  
(DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA)
- 7. Senarai Jawatankuasa Malam Puisi Alam '98**  
Pengerusi - En. Hassan bin Mat  
- Hj. Mahadi bin Hj. Nordin  
- Pn. Zaleha Abdullah  
- Pn. Halimah bt. Awanh Chik  
- Wan Mohammad bin Jusoh  
- Hj. Ahmat Mahmood

# ***Penghargaan***

---

*Jawatankuasa Malam Puisi Alam 1998 merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada;*

- **KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI & ALAM SEKITAR**
- **DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA**
- **POLIS DIRAJA MALAYSIA**
- **JABATAN PENDIDIKAN**
- **JABATAN PENYIARAN**
- **JABATAN PENERANGAN**
- **UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**
- **BERITA HARIAN SDN.BHD.**

*Penghargaan dan Jutaan terima kasih juga ditujukan kepada semua pihak dan individu yang telah memberikan khidmat dan kerjasama secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan majlis malam puisi alam 1998 ini.*

## **SELOKA TERENGGANU KITA**

*Pantai bersih memanglah cantik  
Tempat menarik untuk bersukaria  
Negeri cantik budaya menarik  
Itulah dia Terengganu kita*

*Dulu Terengganu negeri pertanian  
Kini menuju perindustrian dan pelancongan  
Industri minyak dan gas tunggak pembangunan  
Terengganu boleh jadi bualan*

*Kemajuan Terengganu jadi kebanggaan  
Wisma Darul Iman pusat pentadbiran  
Pulau Redang, Pulau Kapas dan Pulau Perhentian  
Masyhur sebagai destinasi pelancongan*

*Rantau Abang tempat penyu bertelor  
Empangan Kenyir tasiknya luas  
Terengganu masyhur dengan keropok lekor  
Sekali makan rasa tak puas*

*Alam sekitar bersih diutamakan  
Jangan biarkan semuanya tercemar  
Cintai Alam, Hargai Kehidupan  
Menjadi Tema Minggu Alam Sekitar Malaysia*

*Kemaman dan Dungun kawasan industri  
Kaya dengan berbagai sumber  
Sambutan MASM acara tradisi  
Tempoh seminggu 21 hingga 27 Oktober*

*Rakyat aman hidup senang lenang  
Tiada masalah air dan juga jerebu  
Tahun 97 dilancarkan di Pulau Pinang  
Tahun ini pula di Negeri Terengganu*

*Mesyuarat MEXCOE dan kempen asap hitam diadakan  
Seminar, malam puisi dan juga Anugerah Langkawi  
21 Oktober MASM dirasmikan  
Oleh Menteri Besar Terengganu yang disanjung.*

*Ciptaan Bersama: RS dan SAR.*

